

13/11/1997

Tasik Bukit Merah lokasi pelancongan berpotensi

TAIPING, Rabu - Bandar Tasik Bukit Merah membabitkan kos pembinaan RM3 bilion mampu menjadi pusat pelancongan terkenal di Utara Semenanjung terutama dengan kedudukan strategik berhampiran Lebuhraya Utara-Selatan.

Projek itu dibangunkan oleh Segi Objektif (M) Sdn Bhd, iaitu anak Syarikat Kumpulan Emkay yang akan menerima kunjungan tetamu istimewa esok, iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir dijangka merasmikan taman tema air, marina dan Bandar Tasik Bukit Merah yang dibangunkan atas kawasan seluas 660 hektar yang mengambil masa 20 tahun untuk pembinaan keseluruhan ketiga-tiga fasa pembangunannya.

Dalam lawatan meninjau persiapan projek itu, Ahad lalu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib yakin Bandar Tasik Bukit Merah bukan saja mampu menjadi pusat pelancongan terkenal untuk Utara Semenanjung, malah kepada pelancong Thailand dan Indonesia.

Projek itu juga boleh dijadikan pusat memperkenalkan kebudayaan tempatan serta kraftangan kerana Bandar Tasik Bukit Merah dilengkapi pelbagai pusat pelancongan, taman tema air, pusat rekreasi air dan kawasan memancing.

Turut dibangunkan ialah taman air, hotel mewah, pulau Orang Utan dan rumah kediaman yang menarik.

Ramli turut yakin Bandar Tasik Bukit Merah menjadi pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan Wilayah Utara, membabitkan Perak, Pulau Pinang, Kedah, dan Perlis selain Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT-GT).

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata fasa pertama meliputi kawasan lebih 70 hektar serta hampir selesai dilaksanakan.

(END)